

|                    |   |                          |                           |
|--------------------|---|--------------------------|---------------------------|
| <b>Publication</b> | <b>Utusan Malaysia</b>  | <b>Section /Page No.</b> | <b>UtusanBiz / Pg. 17</b> |
| <b>Date</b>        | <b>Tue, 7<sup>th</sup> June 2016</b>                                | <b>Lead Article</b>      | <b>No</b>                 |
| <b>Headline</b>    | <b>Teraju Bantu Sani United Tingkat Kecekapan Pengangkutan Awam</b> |                          |                           |

## Teraju bantu Sani United tingkat kecekapan pengangkutan awam

**KUALA LUMPUR 6 Jun** - Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) mengumumkan pemberian sejumlah RM3.93 juta Dana Mudah Cara kepada Sani United Berhad (SUB) bagi menambah 25 buah bas dua tingkat sebagai strategi ke arah usaha penambahbaikan kapasiti dan sambungan pengangkutan awam.

Ketua Pegawai Eksekutif Teraju, Datuk Husni Salleh berkata, SUB adalah satu daripada 323 syarikat yang menerima bantuan yang sehingga kini berjumlah RM1.261 bilion yang telah dilu-

luskan bagi 363 projek untuk menyokong pelaburan Bumiputera bernilai RM10.47 bilion.

Katanya, 25 unit bas mewah baharu itu bakal mengembangkan laluan sedia ada selaras dengan permintaan pengguna dan juga hasrat kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) untuk menyediakan akses yang mencukupi bagi pengangkutan yang berpatutan.

"Pendekatan yang diadakan adalah sebahagian daripada hasrat untuk memperkukuh ketersambungan merentasi pelbagai

mod pengangkutan dan wilayah selain tidak mengabaikan tahap keselamatan dan kecekapan operasi pengangkutan.

"SUB terpilih untuk menerima dana ini kerana strategi mereka yang memberi tumpuan ke arah meningkatkan keupayaan tahap perkhidmatan pengangkutan. Kita harap lebih banyak syarikat Bumiputera akan mengambil peluang daripada dana ini," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Daripada 25 bas baharu itu, enam buah adalah bagi laluan

Shah Alam-Rantau Panjang, empat bas pula laluan Kota Bharu-Kuala Perlis, 12 buah lagi bagi laluan Klang-Kuala Terengganu, manakala baki tiga lagi untuk laluan Klang-Rantau Panjang.

Dana Mudah Cara bertindak sebagai pemangkin kepada pelaburan swasta dalam sektor-sektor strategik dengan nilai projek minimum sekurang-kurangnya RM2.5 juta.

Buat ketika ini, Teraju telah meluluskan RM48.987 juta bagi 19 projek pengangkutan bernilai RM333.611 juta.



**HUSNI SALLEH (kiri)** menyampaikan replika cek Dana Mudah Cara kepada Wan Mohd. Sani Salleh (kanan) di Terminal Sani, Klang, baru-baru ini. Turut hadir Timbalan Pengerusi Khazanah Nasional Berhad, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (tengah).